


# Kaji budaya maritim suku kaum Bajau Semporna



Oleh HENRY BATING

hbating@gmail.com

UB 24.04.2012 B1


**UNIVERSITI**  
Malaysia Sabah  
(UMS) selaku  
institusi pengajian tinggi  
yang memartabatkan  
kebudayaan pelbagai  
etnik di negeri ini turut  
memberikan komitmen  
terhadap kajian  
kebudayaan maritim suku  
kaum Bajau Semporna  
yang belum ditonjolkan  
sepenuhnya sebagai salah  
satu warisan etnik.

Naib Canselor UMS,  
Brig. Jen. Prof. Datuk  
Seri Dr. Kamaruzaman  
Hj Ampon, berkata untuk  
merealisasikan komitmen  
itu, pihaknya melaksanakan  
pelbagai aktiviti seperti  
pemasangan payao,  
penulisan buku dan juga  
penyertaan Regatta Lepa  
sejak beberapa tahun lalu.

“Penyertaan dalam  
Regatta Lepa bukan sekadar  
sebagai pertandingan

tetapi lebih merupakan  
sebagai tanda komitmen  
UMS selaku institusi  
pengajian tinggi dalam  
memartabatkan kebudayaan  
pelbagai etnik di negeri  
Sabah,” katanya.

Di samping itu, kalangan  
pelajar UMS juga diberikan  
ruang untuk mendekati  
diri dengan  
masyarakat  
Bajau



Semporna agar mengetahui  
dengan lebih banyak dan  
memahami secara meluas  
tentang latar budaya etnik  
berkenaan.

Sementara itu, Timbalan  
Naib Canselor UMS, Prof.  
Madya Datuk Dr. Kasim  
Hj. Md. Mansur berkata,  
pendekatan pelajar ke atas  
masyarakat pelbagai etnik  
merupakan satu kemahiran  
insaniah dan penyertaan  
dalam regatta juga dapat  
membantu menonjolkan  
Semporna  
dalam peta

pelancongan negara selain  
mempromosi kekayaan seni  
ukir setempat.

UMS yang telah  
menyertai Regatta  
Lepa sejak 2010 berjaya  
merangkul tempat ketiga  
tahun ini sama seperti  
yang dicapai pada tahun  
lalu. Lepa UMS diketuai  
Prof Madya Dr Ismail Ali  
dibantu oleh Hinmin Chiam  
Tah Kong.

“Budaya maritim yang  
menggunakan lepa dalam  
kehidupan sudah lama  
wujud dalam sejarah tradisi  
besar maritim di Nusantara  
dan sehingga kini unsur

**LEPA UMS  
menonjolkan  
dekorasi dan seni  
ukir etnik Bajau  
Semporna.**



TUN Juhar melancarkan buku UMS bertajuk 'Pulau Mabul: Dulu, Kini dan Masa Depan'.

budaya ini masih kekal  
digunakan bukan sahaja di  
Sabah tetapi juga di Filipina  
dan Indonesia,” kata Dr  
Ismail sambil menambah,  
warisan tradisi itu perlu  
dipertahankan sebagai satu  
khazanah warisan generasi  
akan datang.

Bersempena dengan  
Regatta Lepa itu, buku  
tulisan Dr Ismail berjudul  
'Pulau Mabul: Dulu,  
Kini dan Masa Depan'  
dilancarkan oleh Tuan Yang

Terutama Yang Dipertua  
Negeri, Tun Juhar Haji  
Mahiruddin. Buku itu  
memaparkan sejarah awal  
Pulau Mabul, pembangunan  
masa kini dan beberapa  
persoalan semasa di pulau  
itu.

“Pada tahun 2013  
UMS meletakkan sasaran  
untuk melancarkan  
buku berjudul 'Cerita-  
Cerita Lisan Komuniti  
Maritim di Semporna'  
sebagai kesinambungan

daripada buku yang telah  
dilancarkan,” katanya.

Dr Ismail menegaskan,  
dalam semua program itu  
pihaknya amat terhutang  
budi ke atas sokongan  
dan dorongan pelbagai  
pihak termasuk Menteri  
Kemajuan Luar Bandar  
dan Wilayah, Datuk  
Seri Mohd Shafie Afdal,  
Menteri di Jabatan Ketua  
Menteri Datuk Sri Nasir  
Tun Sakaran dan Pegawai  
Daerah, Ibnu AM Baba.